

05/08/2003

SMS tanda terima kasih, penghargaan kepada PM

CELCOM (Malaysia) Sdn Bhd (Celcom) dan TM Cellular Sdn Bhd (TM Touch), melancarkan kempen perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) Kasih Perdana khusus bagi membolehkan orang ramai menghantar ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kempen SMS Kasih Perdana akan berlangsung selama 16 minggu bermula pada 31 Julai hingga 18 September ini dan Celcom dijangka akan menerima dua juta pesanan SMS pada akhir kempen berkenaan.

Pelanggan Celcom akan dicaj pada kadar rata sebanyak RM0.15 sen dan RM0.10 sen bagi pelanggan TM Touch untuk setiap SMS yang dihantar. Setiap pesanan yang dihantar akan dikumpulkan dalam bentuk CD-ROM dan buku serta diserahkan kepada Perdana Menteri.

Sebahagian daripada keuntungan SMS itu akan didermakan kepada Pertubuhan Anak-Anak Yatim Malaysia (Peyatim). Bagi yang hendak menyertai kempen SMS itu, langkah pertama ialah menaip perkataan PM dan kemudian hantar ke nombor 26376.

Maklum balas akan dihantar semula kepada pengirim yang tercatat seperti 'Selamat Datang Ke KEMPEN SMS KASIH PERDANA. Luahkan ucapan kasih dan penghargaan anda kepada YAB Perdana Menteri. Langkah 1, taip nama penuh anda & hantar ke 26376. Kemudian taipkan nama penuh dan ikuti arahan yang diberikan'.

Untuk mendapatkan maklumat tambahan mereka boleh melawat laman web www.celcom.com.my.